

SH 9/10/2020 m/s 28

Tahan vesel, rampas diesel RM2.39 juta

PASIR PUTEH - Taktik licik nelayan warga asing membawa dua buah vesel menyerupai bot nelayan terbongkar selepas ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan dalam Op Kuda Laut kira-kira 110 batu nautika dari muara Tok Bali Selasa lalu.

Vesel itu bertujuan melindungi kegiatan haram mereka sebagai pembekal bahan api kepada bot-bot nelayan asing Vietnam yang mencero boh perairan negara.

Pengarah APMM Kelantan, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, pihaknya menahan 14 warga Thailand termasuk seorang kru wa-



Muhd Nur Syam Asmawie (tiga dari kiri) menunjukkan diesel yang berjaya dirampas APMM Kelantan dalam Op Kuda Laut kira-kira 110 batu nautika dari muara Tok Bali Selasa lalu.

nita dan seorang warga Indonesia, berumur 24 hingga 59 tahun.

“Penahanan itu membawa kepada penemuan 230 liter minyak diesel dianggarkan bernilai

RM2.39 juta,” katanya.

Beliau berkata, kesemuanya direman 14 hari bermula semalam mengikut Seksyen 361(1) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.